

Darurat licinkan pentadbiran kerajaan kawal pandemik

Berita HARIAN (12/01/2021) M 15-12

Datuk Salehuddin Saidin

Soalan (S): Mengapa darurat perlu diisytiharkan sedangkan Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) mempunyai kuasa mengawal COVID-19?

Jawapan (J): Darurat 2021 ini bukan seperti darurat 1960-an yang ketika itu ada pembabitan tentera secara aktif dan ada perintah berkurung akibat ancaman keselamatan negara.

Kali ini, darurat bagi mengawal wabak COVID-19. Malaysia bukan negara pertama mengisytiharkan darurat, lebih 70 negara melakukannya seperti Perancis, Sepanyol dan Jepun.

Perintah ini boleh wujud seiring Akta 342, cuma undang-undang darurat lebih menyeluruh dan meluas. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lebih kepada arahan kawalan pergerakan orang ramai, prosedur operasi standard (SOP) perlu dipatuhi dan perkara berkait langkah pencegahan wabak. Darurat mencakupi aspek lebih luas membabitkan perjalanan pentadbiran negara keseluruhannya.

Tujuan utama pengisytiharan darurat, memberi kuasa kepada kerajaan untuk melicinkan pentadbiran.

Pengisytiharan darurat diperkenan Yang di-Pertuan Agong hingga 1 Ogos ini, walaupun dijelaskan demi mengekang pandemik COVID-19 sangat kritikal dan memberi kestabilan untuk tumpuan penuh kepada pemulihan ekonomi, tetap menimbulkan polemik dan persepsi umum. Antara persoalan dibangkitkan motif sebenar, kuasa tentera dan kebebasan bersuara. Ikuti temu bual **wartawan BH, Mohd Iskandar Ibrahim** bersama peguam bela dan peguam cara, Datuk Salehuddin Saidin serta bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.



Dengan pemakaian Ordinan Darurat, semua tindakan dapat dilaksanakan segera tanpa perlu melalui proses biasa mengambil masa panjang.

Salehuddin Saidin,
Peguam bela dan peguam cara

Soal Jawab

terbukti mereka juga tiada jumlah majoriti. Baginda tidak boleh diminta melayani setiap bulan dengan permintaan seseorang ada sokongan majoriti. Sampai bila kerajaan dapat berfungsi dengan baik dan berkesan jika isu ini sering dibangkitkan.

Satu perkara perlu diingatkan, negara kita tidak mengamalkan sistem dua parti, iaitu jika satu pihak hilang majoriti, bermakna kuasa beralih kepada pihak lain.

gantung siapa mereka sokong.

Apa berlaku baru-baru ini me nampakkan tiada mana-mana Ahli Parlimen lain mendapat sokongan majoriti disebabkan pimpinan parti tidak bersepatat memilih seorang calon alternatif kepada Perdana Menteri. Apabila kita berhadapan permasalahan begini, pilihan adalah membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya umum (PRU).

Soalnya, adakah pilihan raya ketika wabak COVID-19 memuncak, pilihan baik dan bersesuaian? Tanyalah kepada rakyat, adakah ini dimahukan.

S: Apakah ada cara Ahli Parlimen dan parti politik tidak bersetuju pengisytiharan darurat untuk menyatakan bantahan seperti menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong atau meminta baginda menarik balik?

J: Di bawah Perkara 150 Fasal (8) Perlembagaan Persekutuan, ada peruntukan baharu menyatakan keputusan Yang di-Pertuan Agong dalam proklamasi darurat tidak boleh dipersoalkan di mahkamah. Ini bermakna keputusan baginda muktamad.

rajaan untuk melicinkan pentadbiran negara mengikut keadaan dan sebab pengisytiharan dibuat. Umpamanya pada darurat 2021, tujuan asas adalah mengawal COVID-19 agar dapat dibendung dan tidak terus menjejaskan kehidupan ekonomi rakyat negara ini.

Ordinan Darurat akan terpakai dan kerajaan boleh menggubal ordinan tanpa perlu melalui proses pembuatan undang-undang biasa bagi mengawal sesuatu keadaan. Contohnya, kerajaan boleh mengambilmilikan sementara sesuatu tanah, bangunan dan/atau harta alih serta memberi apa-apa arahan berkaitan.

Kerajaan juga melalui Ordinan Darurat, boleh membuat perintah larangan terhadap orang ramai daripada melalui tanah dan bangunan diambil milik sementara itu.

Contohnya, Pusat Latihan Negara boleh diambil untuk dijadikan tempat kuarantin, tahanan atau hospital sementara bagi menampung jumlah pesakit yang ramai.

Kita semua maklum, penghuni penjara terkesan dengan pesalah dijangkiti COVID-19. Oleh itu, menjadi keperluan kerajaan mencari satu tempat dijadikan pusat tahanan sementara bagi pesakit positif COVID-19 atau pusat kuarantin.

Dengan pemakaian Ordinan Darurat, semua tindakan dapat dilaksanakan segera tanpa perlu melalui proses biasa mengambil masa panjang.

Kerajaan juga boleh menggunakan Ordinan Darurat bagi maksud mendapat sumber daripada pihak

swasta, sama ada segi sumber manusia, iaitu kepakaran doktor, jururawat, penggunaan kemudahan hospital swasta dan sebagainya. Jadi, kerajaan boleh minta hospital swasta untuk bantu tangani masalah penempatan pesakit COVID-19.

Ketiga, dari segi penguatkuasaan. Sekarang, hanya polis berkuasa melaksanakan penguatkuasaan di bawah Kanun Tatacara Jenayah, sedangkan tentera tiada kuasa berkaitan larangan pergerakan dan prosedur operasi standard (SOP). Mereka hanya boleh melaksanakan kuasa di bawah undang-undang tentera.

Keadaan wabak begitu meluas, memaksa kerajaan menggembleg tenaga tentera, imigresen dan RE-LA bagi membantu polis dalam menguatkuasakan undang-undang. Di sempadan, kita terpaksa gunakan tentera untuk buat kawalan daripada dicerobohi orang asing, selain menangani pendatang asing tanpa izin (PATI). Sekatan jalan raya juga boleh dilaksanakan lebih berkesan jika lebih ramai penguat kuasa terbabit.

Kerajaan juga boleh menggunakan kemudahan fasiliti tentera seperti pusat latihan sebagai pusat kuarantin dan hospital sementara.

Dalam tempoh darurat juga, arahan berkaitan rawatan, imunisasi, pengasingan, kawalan serta pemerhatian dapat dilaksanakan secara berkesan.

Ia juga memastikan penguatkuasaan berkesan dan hukuman lebih berat dikenakan terhadap pesalah

secara automatik satu pihak lagi akan mendapat sokongan majoriti. Negara kita amalkan satu sistem membenarkan kehadiran banyak parti dan kewujudan gabungan parti tertentu atau bergerak secara satu parti sahaja.

Jika satu parti atau seseorang Ahli Parlimen daripada satu parti hilang kepercayaan atau sokongan, belum tentu satu pihak lagi ada sokongan majoriti, sebaliknya ber-

S: Ada membangkitkan keabsahan Perdana Menteri untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong kerana dikatakan tidak memiliki majoriti di Parlimen. Apa pandangan Datuk?

J: Soal Perdana Menteri hilang sokongan atau sebaliknya, tidak timbul kerana ketika nasihat diberikan dan satu proklamasi darurat dikeluarkan, Perdana Menteri pada dasarnya mempunyai sokongan majoriti. Bagi menentukan hilang sokongan majoriti, ia perlu diputuskan di Parlimen atau menyembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Ini tidak berlaku atau belum berlaku ketika nasihat diberikan. Jika sekadar satu dua Ahli Parlimen dikhabarkan menarik balik sokongan, ia bukan tindakan automatik menghilangkan kelayakan seseorang Perdana Menteri. Buat masa ini, Parlimen tidak bersidang, manakala baginda tidak dipersembahkan nama Ahli Parlimen lain dikatakan mendapat sokongan majoriti.

Kedua, pernah ada pihak mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong berkaitan soal ini dan

secara automatik satu pihak lagi akan mendapat sokongan majoriti. Negara kita amalkan satu sistem membenarkan kehadiran banyak parti dan kewujudan gabungan parti tertentu atau bergerak secara satu parti sahaja.

Jika satu parti atau seseorang Ahli Parlimen daripada satu parti hilang kepercayaan atau sokongan, belum tentu satu pihak lagi ada sokongan majoriti, sebaliknya ber-



Kita perlu melihat fakta Yang di-Pertuan Agong, di samping mendengar nasihat Perdana Menteri, baginda ada penasihat undang-undang, iaitu Peguam Negara. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara ialah penasihat undang-undang utama kepada kerajaan. Kerajaan dimaksudkan termasuk Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan Kabinet.

Soal orang lain nak menafsir undang-undang dengan pelbagai cara, terpulanglah. Masing-masing ada hujah dan interpretasi, namun apa yang penting ialah nasihat Peguam Negara terpakai apabila membabitkan keputusan kerajaan dan penggunaan Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan digubal dan diguna pakai semula pihak, termasuk kerajaan. Kita tidak boleh menyatakan pandangan berdasarkan interpretasi sesetengah pihak perlu diterima kerajaan. Kalau begitu,

apa peranan Peguam Negara?

Pandangan Peguam Negara mungkin berbeza dengan pembangkang, tetapi pandangan beliau akan diterima kerana beliau penasihat undang-undang utama kerajaan.

Bagi saya, tiada halangan mana-mana pihak menulis surat dan menyebarkan kepada baginda dan tidak dihalangi undang-undang.

S: Adakah Perlembagaan Persekutuan tergantung dengan pengisytiharan darurat?

J: Secara teknikal, ia tergantung, tetapi Perdana Menteri memberi jaminan akan terus melaksanakan undang-undang berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang semua masih terpakai seperti biasa kecuali diwartakan dalam Ordinan Darurat.

S: Sejauh mana pelaksanaan darurat beri kesan kepada kebebasan bersuara rakyat khususnya media sosial kerana ada yang bimbang kerajaan boleh kenakan undang-undang lebih tegas?

J: Sebenarnya kebebasan bersuara, dalam mana-mana keadaan pun, ada hadnya. Adakah tafsiran kebebasan bersuara bermaksud kita boleh memfitnah menghentam dan mengeluarkan kenyataan atau berita palsu? Ini bukan kebebasan bersuara.

Kebebasan bersuara adalah berhemah dengan memberi pandangan membina. Sekiranya mereka mahu bercakap dan melontarkan idea, saya rasa tiada masalah kerana kerajaan tidak akan ambil tindakan.

Namun, bagi mereka menyebarkan fitnah dan hasutan, ini lebih mudah diambil tindakan di bawah darurat.

Mereka yang mempersoalkan kebebasan ini adalah mereka yang

J: Tanggapan kerajaan mengambil tindakan ini semata-mata kerana politik, adalah kurang tepat sebab kita tahu wabak COVID-19 terlalu menular.

Politik mungkin antara sebab yang bukan menjadi faktor penentu. Perlu diingat Yang di-Pertuan Agong menentukan kewajaran pengisytiharan sesuatu darurat. Sekiranya politik menjadi motifnya, pasti baginda yang mempunyai ramai penasihat dan pakar pelbagai bidang, tidak akan mengizinkan permohonan proklamasi darurat dibenarkan.

Seperti kita tahu alasan utama adalah untuk menggembeng tenaga angkatan tentera, menggunakan fasiliti awam dan hospital swasta. Ia keutamaan di samping faktor sampingan kerajaan ditekankan dan diganggu sesetengah pihak hingga menjejaskan tumpuan kerajaan memberi fokus mengekang penularan COVID-19.

S: Apakah rasional pelaksanaan darurat di sebalik tempoh enam bulan?

J: Saya berasakan rasional pelaksanaan hingga Ogos disebabkan vaksin dijangka diterima hujung Februari ini. Pengiraannya berdasarkan penularan wabak sama ada dapat dikawal atau tidak. Kerajaan menjangkakan dalam tempoh hingga Ogos ini, penularan dapat dikawal, termasuk dengan adanya PKP, PKP Bersyarat (PKPB) dan sebagainya.

Apabila tiba Ogos, rakyat terutama barisan hadapan sudah menerima vaksin dan mungkin ketika itu pandemik ini boleh dikawal. Jadi itu mungkin tempoh darurat dihad hingga Ogos ini.

Seperti dinyatakan, darurat boleh ditamatkan lebih awal selepas mendapat nasihat ianitu

'Undang-Undang Ordinan Darurat perlu utamakan rakyat, negara'



Tan Sri Abu Talib Othman

Soalan (S): Perlukah ordinan baharu untuk kawal COVID-19 kerana ada kebimbangan kuasa eksekutif sudah terlebih berbanding legislatif ketika darurat.

Jawapan (J): Sama ada perlu atau tidak, pihak berkuasa yang mempunyai semua maklumat dan bukti pakar mengenai keadaan COVID-19 lebih mengetahui. Kalau kerajaan berpuas hati dengan keadaan COVID-19 akan memberi kesan kepada kesihatan atau ekonomi negara, terpulang kepada kerajaan untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong.

Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati, ia terpulang kebijaksanaan baginda dan tindakan disyorkan itu dirasakan perlu demi keselamatan rakyat dan negara.

Ini adalah peruntukan dalam Perlembagaan.

san hati kepada kerajaan.

Sekiranya kerajaan bertindak di luar batasan undang-undang dibuat, boleh cabar dan bawa kes ke mahkamah sebab Perdana Menteri sendiri sudah beri jaminan mahkamah serta pihak berkuasa masih berfungsi seperti sedia kala.

Tiada seorang pun boleh bertindak bertentangan undang-undang yang ada sekarang, sama ada Ordinan Darurat atau undang-undang sedia ada. Kita kena patuh kepada undang-undang.

S: Apakah peranan Jawatankuasa Khas Bebas bakal dilantik sedangkan Kabinet beroperasi seperti biasa hingga mungkin bertindak dengan fungsi dan peranan kementerian dan Majlis Keselamatan Negara (MKN)?

J: Peranan jawatankuasa ini terpulang dalam apa diperuntukkan dalam ordinan dibuat berikutan pengisytiharan darurat ini. Apa

rajaan terbabit.

Ini bermakna kuasa Persekutuan ke atas negeri juga ada hadnya. Sebab itu, kita kena lihat apa bentuk undang-undang dalam Ordinan Darurat. Apa yang pasti, undang-undang itu harus demi kepentingan rakyat dan negara, bukan kepentingan orang politik.

S: Ada pihak menyatakan hasrat mencabar penggantungan Parlimen di mahkamah disebabkan pengisytiharan darurat. Apa pandangan Tan Sri?

J: Baru-baru ini, saya ada baca di akhbar, ada wakil rakyat nak mencabar boleh atau tidak undang-undang darurat menggantung perjalanan Parlimen.

Undang-undang ini diperuntukkan dalam Ordinan Darurat. Apa diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan berdasarkan pindaan pada 1983, iaitu pengisytiharan darurat tidak boleh dicabar dalam mahkamah atas apa-apa alasan. Itu pindaan yang kerajaan buat pada 1983. Cara inilah

...mereka yang mempersoalkan kebebasan ini, adalah mereka yang terbiasa menyebarkan fitnah dan berita palsu. Jadi mereka takut dan bimbang tindakan diambil, lantas menyatakan kononnya kerajaan akan salah guna kuasa darurat.

Jika anda mengeluarkan kenyataan benar dan mengkritik dengan berhemah, saya tidak rasa sesiapa pun akan mengambil tindakan. Saya rasa ini suara orang yang berasakan kegiatan mereka menyebarkan fitnah dan berita palsu akan terencat dengan adanya darurat.

S: Ada menganggap darurat hanya bermotifkan 'gencatan politik' berbanding mengekang pandemik. Apa pandangan Datuk?

...mendapat nasihat jawatankuasa bebas khas sekiranya dibanteras lebih awal.

S: Perlukah tentera diberi kuasa polis, menahan orang ingkar PKP sedangkan memang sudah terbabit dalam operasi COVID-19/PKP sebelum ini?

J: Tentera ada membantu ketika PKP sebelum ini, tetapi mereka tidak boleh menguatkuasakan undang-undang kerana kuasanya ada pada polis.

Dengan darurat, penguatkuasaan dapat diberikan juga kepada tentera. Lebih mudah sebab tidak segala-galanya perlu diberikan kepada polis. Polis pun ramai dijangkiti COVID-19. Tidak salah tentera diberi kuasa sama seperti polis buat sementara waktu, bukan selama-lamanya, iaitu untuk membantu kerajaan mengawal penularan COVID-19.

S: Timbul pandangan kononnya eksekutif kini mempunyai kuasa terlalu luas melakukan apa sahaja selepas darurat diisytihar.

J: Saya tidak setuju dengan pandangan ini kerana pengisytiharan darurat adalah mengenai kuasa patut diberi atau undang-undang perlu dibuat, bergantung kepada Ordinan Darurat. Pengisytiharan darurat memerlukan undang-undang Ordinan Darurat yang akan dibuat pihak berkuasa.

Kita tidak boleh buat sebarang spekulasi. Kita lihat dahulu apa yang ada dalam ordinan atau undang-undang digazetkan.

S: Bagaimanakah Ahli Parlimen dapat menjalankan tugas semak dan imbang supaya tidak berlaku pemusatan kuasa pada eksekutif dalam keadaan persidangan Parlimen digantung?

J: Sudah tentu kerajaan dan pembangkang akan bercanggah pandangan dalam perkara ini (pengisytiharan darurat) tetapi mana-mana pihak tidak boleh membuat kenyataan umum kononnya ini menekan rakyat.

Ahli Parlimen masih boleh menjalankan semak dan imbang. Jika ada yang tidak berpuas hati atau melihat perkara tidak betul, mereka boleh suarakan ketidakpu-

...yang wajar dan adil, itulah yang penting.

Bagi saya, fungsi jawatankuasa khas ini tidak bertindan kerana fungsi mereka semestinya diperuntukkan selari dengan pengisytiharan darurat.

Bagaimanapun, apa kita tahu sekat ini melalui media, fungsi mereka adalah menasihatkan Yang di-Pertuan Agong, sama ada pengisytiharan darurat boleh ditamatkan awal atau sebaliknya.

Jawatankuasa itu hanya berkuasa berdasarkan apa diperuntukkan dalam undang-undang menubuhkannya.

S: Apakah dimaksudkan kuasa Persekutuan terpakai ke atas negeri. Adakah turut babitkan aspek agama dan tanah?

J: Saya ingin menjelaskan undang-undang dalam Ordinan Darurat tidak menyentuh masalah berkaitan agama Islam, manakala aspek tanah boleh dibuat peruntukan.

Isu tanah boleh membuat peruntukan dalam Ordinan Darurat jika kerajaan memerlukan sesebuah kawasan itu digunakan, tetapi perlu membayar pampasan dan tidak boleh diambil ikut suka.

Kalau tanah berkenaan milik persendirian, kerajaan kena bayar kepada pemiliknya dan jika milik kerajaan negeri, kerajaan kena bayar pampasan kepada ke-

...buat pada 1983. Saya masih bertugas (sebagai Peguam Negara) ketika itu.

Pada waktu itu, keadaan amat mencabar ketika pindaan terbabit dibuat. Cuma undang-undang dalam Ordinan Darurat tidak boleh menyentuh perkara yang ada kaitan dengan agama Islam. Itu khusus dalam bidang kuasa Raja-Raja Melayu dan kerajaan negeri.

Jadi dengan pengisytiharan darurat ini, Perlembagaan Persekutuan kita tergantung. Apa dibuat sekarang adalah berasaskan Ordinan Darurat. Bagaimanapun saya tak nak cakap ia (Parlimen) tergantung kerana ia bergantung kepada pengisytiharan darurat, iaitu dengan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat undang-undang dirasakan perlu dan wajar demi kepentingan rakyat dan negara.

S: Selepas darurat diisytihar, bolehkah keabsahan kerajaan menasihati Yang di-Pertuan Agong dicabar?

J: Kita kena lihat apa isunya. Seperti pengisytiharan darurat, Perlembagaan sudah menyatakan perkara itu tak boleh dicabar di mahkamah dan mahkamah tiada bidang kuasa menentukan masalah pengisytiharan darurat dibuat Yang di-Pertuan Agong. Itu perkara khusus dalam Perkara 150 (3) Perlembagaan Persekutuan.